

Urus kontena dalam 3 hari

Oleh Rafidah Mat Ruzki - April 21, 2022 @ 5:56pm
fidahruzki@bh.com.my



SOP baru akan mempercepat pengurusan kargo. - Foto hiasan NSTP

PUTRAJAYA: Pelabuhan Klang memulakan prosedur operasi standard (SOP) baharu pengurusan kargo, bermula 1 Mei ini.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong, berkata ia akan memendekkan pengurusan kontena sehingga tiga hari, selain mengehadkan jangka masa pemprosesan setakat 30 hari saja.

Beliau berkata, sebelum ini, tiada had tempoh dikenakan untuk memproses sesebuah kontena yang memasuki pelabuhan sehingga mengambil masa bertahun-tahun, jika ia terbabit pelbagai isu.

Katanya, timbul kesulitan sebelum ini membabitkan tuntutan apabila tiada had masa pengurusan sesebuah kontena ditetapkan, terutama jika syarikat logistik terbabit sudah gulung tikar.

"Dulu perlu menunggu kerana tiada tempoh had masa yang kita berikan kepada sesuatu proses pengurusan kontena.

"Apabila barangan atau kontena kapal sampai ke pelabuhan, ia akan dibawa ke perkarangan kontena, sebelum ia di awal untuk menjalani pemeriksaan oleh pelbagai agensi penguatkuasaan, seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia.